

13 MAY 2000

Umno-Abdullah (Gulung)

PAK LAH AJAK ANGGOTA UMNO TERUS BERI KERJASAMA PADA PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak anggota parti memberi kerjasama penuh kepada presiden parti bagi memastikan Umno terus unggul.

Katanya, barisan pemimpin tertinggi parti perlu menentukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno dan Perdana Menteri tidak keseorangan dalam menghadapi cabaran sama ada dalam parti atau kerajaan.

"Bagi saya, saya berjanji akan memberi kerjasama kepada Presiden dan akan pastikan dia tidak keseorangan menghadapi musuh," katanya dalam ucapan sulung selaku timbalan presiden parti semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan agung parti hari ini.

Abdullah memenangi kerusi nombor dua parti itu tanpa bertanding pada pemilihan parti Khamis lepas.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada perwakilan kerana menentukan kepimpinan parti, beliau berharap semua yang dipilih dapat memberi kerjasama dalam melaksanakan tanggungjawabnya dan memastikan Umno sebagai parti pemerintah untuk terus teguh dan berupaya memajukan dan memakmurkan negara.

Beliau turut menasihati semua anggota parti menerima keputusan pemilihan yang dibuat atas semangat kekeluargaan dan setiakawan.

Abdullah berkata Umno akan dapat memenuhi tanggungjawabnya untuk membangun dan memajukan bangsa, agama dan negara dengan syarat semua anggota parti bermuafakat dan saling bekerjasama.

Katanya bagi barisan pimpinan baru Umno, ujian pertama kemuafakatan dan kerjasama mereka ialah semasa menghadapi pilihan raya kecil Teluk Kemang pada 10 Jun ini.

Abdullah juga berkata beliau menyambut baik kemenangan mereka dan menganggap mereka sebagai sahabat.

Katanya ada pemberita yang memberitahunya bahawa keputusan tiga naib presiden adalah diterajui oleh "team wawasan dan saya kata kepada pemberita, so what?"

"Pemberita itu kata kumpulan itu telah menyebabkan saya kalah. Saya kata saya tak lupa. Pada 1993 masa tu, depa (mereka) ikut manager lain, sekarang saya manager," katanya disambut dengan gelak ketawa perwakilan.

"Adat pemilihan begitulah, tepis menepis, siku menyiku. Kalau tak larat, terpelanting," katanya sambil menyatakan bahawa kesemua tiga Naib Presiden yang baru itu adalah sahabatnya.

Abdullah berkata beliau akan bekerjasama dengan mereka dan menentukan tiada diskriminasi dalam parti kerana yang penting ialah mewujudkan barisan kepimpinan yang mantap bagi menentukan parti terus unggul.

"Yang penting, selepas pemilihan, yang menang adalah Umno. Pemilihan bijaksana perwakilan memberi kemenangan kepada Umno kerana menentukan barisan kepimpinan yang berwibawa," katanya.

Beliau berkata tanggungjawabnya sebagai timbalan presiden merupakan satu tanggungjawab berat dan berikrar akan bekerja kuat untuk melaksanakannya sebagai satu amanah.

Abdullah juga mengajak semua anggota Umno menjadikan perjuangan Umno sebagai satu ibadat dan fardu kifayah bagi mengawal diri dan tingkah laku mereka daripada melakukan perkara keji.

"Jika niat kita adalah untuk beribadat, kita tidak akan ada sebarang niat dan tindakan yang akan mencemarkan ibadat kita seperti fitnah, tidak amanah, menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa," katanya.

Beliau berkata sebagai umat Islam, anggota Umno mestilah berpegang kepada prinsip dan bukannya asyik berbalah sesama sendiri tentang ajaran

Islam sehingga membawa perselisihan.

Abdullah berkata Malaysia, walaupun hanya sebuah negara kecil, telah mencapai kemajuan dan kejayaan cemerlang yang memungkinkannya muncul sebagai negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pertama yang mencapai tahap negara maju.

-- BERNAMA

NZ HS ZKS MAI